

TERHAD



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**FORMAT DAN CONTOH
PENULISAN ESEI BERFORMAT**

BAHASA MELAYU

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH
PENGAL 2**

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

© Hakcipta Majlis Peperiksaan Malaysia 2013

TERHAD

KANDUNGAN

Format 1: Laporan	3
Contoh soalan	4
Skema jawapan	4-5
Contoh esei	6-7
Format 2: Syarahan	8
Contoh soalan	8
Skema jawapan	8
Contoh esei	9-10
Format 3: Ceramah	11
Contoh soalan	11
Skema jawapan	11
Contoh esei	12-13
Format 4: Teks Ucapan	14
Contoh soalan	14
Skema jawapan	14
Contoh esei	15-16
Format 5: Memorandum	17
Contoh soalan	18
Skema jawapan	18
Contoh esei	19-20
Format 6: Minit Mesyuarat	21-22
Contoh soalan	23
Contoh esei	23-25
Format 7: Kertas Cadangan	26-28
Contoh soalan	29
Skema jawapan	29
Contoh esei	30-33
Format 8: Surat Kiriman Rasmi (a)	34
Contoh soalan	35
Contoh esei	35-36
Surat Kiriman Rasmi (b)	37
Contoh soalan	38
Contoh esei	38-39

TERHAD

FORMAT 1: LAPORAN

Tajuk:

1.0 Pendahuluan

2.0 Senarai Ahli Jawatankuasa (*opsyenal*)

Pengerusi:

Naib Pengerusi:

Setiausaha:

Bendahari:

Ahli Jawatankuasa:

3.0 Isi (Isu yang dilaporkan)

3.1 }
3.2 } (*mesti ada subtajuk*)
3.3 }

4.0 Cadangan/langkah

4.1 }
4.2 } (*mesti ada subtajuk*)
4.3 }

5.0 Penutup

Laporan disediakan oleh,

Tarikh

Tandatangan

(NAMA DALAM HURUF BESAR)

Jawatan

TERHAD

Contoh soalan

Sebagai setiausaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan, anda diminta untuk menjalankan satu kajian tentang perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Berdasarkan hasil kajian anda itu, sediakan satu laporan tentang kelemahan perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini dan kemukakan cadangan anda untuk mengatasinya. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Skema jawapan

Format jawapan mestilah dalam bentuk laporan.

Laporan tentang Kelemahan Perkhidmatan Pengangkutan Awam dan Cadangan untuk Mengatasinya

1.0 Pendahuluan

- Konsep pengangkutan awam/latar belakangnya dan kaitkannya dengan tajuk.

2.0 Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi:
Naib Pengerusi:
Setiausaha:
Bendahari:
Ahli jawatankuasa:

3.0 Kelemahan Perkhidmatan Pengangkutan Awam

- 3.1 Jumlah kenderaan awam tidak mencukupi.
- 3.2 Keadaan fizikal pengangkutan awam tidak sempurna.
- 3.3 Kadar tambang yang tidak setara/sepadan dengan dengan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.
- 3.4 Kegagalan syarikat pengangkutan awam menepati jadual dan laluan perjalanan yang telah ditentukan.
- 3.5 Perkhidmatan pengangkutan awam tidak meluas dan tidak menyeluruh.

4.0 Cadangan untuk Mengatasinya

- 4.1 Memperbanyak pengeluaran permit bagi kenderaan awam yang utama, seperti bas, teksi, kereta sewa, dan lain-lain
- 4.2 Menambahkan jenis perkhidmatan kenderaan awam
- 4.3 Mematuhi jadual perjalanan dan laluan perjalanan kenderaan awam
- 4.4 Memperketat penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan usia sesebuah kenderaan awam
- 4.5 Mengurangkan kadar tambang dan meningkatkan mutu perkhidmatannya

TERHAD

5.0 Penutup

Selain menjaga kepentingan komersial, pengusaha pengangkutan awam juga mesti melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Laporan disediakan oleh,

Tarikh

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

Contoh esei

Laporan tentang Kelemahan Perkhidmatan Pengangkutan Awam dan Cadangan untuk Mengatasinya

1.0 Pendahuluan

Pengangkutan awam penting dalam kehidupan manusia. Perkhidmatan pengangkutan awam yang baik membolehkan pengguna bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain dengan mudah dan selesa. Di negara ini, terdapat beberapa jenis pengangkutan awam. Antara perkhidmatan pengangkutan awam yang popular ialah perkhidmatan bas dan teksi. Sehingga kini, perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia dikatakan masih belum memuaskan hati pengguna. Baru-baru ini, saya sebagai Setiausaha Persatuan Keselamatan Sosial Daerah Pekan diminta untuk menjalankan satu kajian tentang kelemahan tersebut dan seterusnya mengemukakan cadangan untuk mengatasinya. Yang berikut ialah laporan hasil kajian tersebut.

2.0 Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi: Ahmad bin Ali
Setiausaha: Muhammad bin Daimin
Bendahari: Simon Tan
Ahli jawatankuasa:
1) Saleha binti Abu
2) Razali bin Darus

3.0 Kelemahan Perkhidmatan Pengangkutan Awam

3.1 Jumlah Kenderaan Awam Tidak Mencukupi

Berdasarkan kajian, didapati bahawa jumlah kenderaan awam di beberapa buah bandar di negara ini tidak mencukupi. Di beberapa buah bandar kecil, hanya terdapat satu atau dua buah syarikat bas yang beroperasi. Jangka masa pergerakan antara sebuah bas dengan bas yang lain agak panjang disebabkan masalah kekurangan bas. Keadaan ini menyebabkan pengguna sering berebut-rebut untuk menaiki bas agar mereka tidak ketinggalan. Sesetengah penumpang teksi pula sanggup menaiki teksi melebihi muatan yang dibenarkan agar mereka cepat sampai ke destinasi. Selain tidak selesa, tindakan ini boleh membahayakan penumpang.

3.2 Keadaan Fizikal Kenderaan Awam Tidak Sempurna

Keadaan fizikal sesetengah kenderaan awam, khususnya bas dan teksi didapati kurang sempurna. Sesetengah kenderaan tersebut tidak terurus dan tidak diselenggara dengan baik. Kusyen beberapa buah bas pula didapati carik dan sesetengahnya tertulis dengan pelbagai tulisan yang berunsur lucah. Kebersihan kebanyakan kenderaan tidak dijaga dengan baik. Sistem pendingin hawa yang digunakan pula kadangkala tidak berfungsi. Keadaan ini menyebabkan pengguna berasa tidak selesa menggunakan pengangkutan awam.

3.3 Kadar Tambang Tidak Sepadan dengan Kualiti Perkhidmatan

Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan pengguna perkhidmatan awam yang ditemui menyuarakan rasa tidak puas hati mereka tentang kadar tambang yang dikenakan. Kebanyakan pengguna bersetuju bahawa kadar tambang tidak sepadan dengan kualiti perkhidmatan. Menurut pengguna, sesetengah pemandu teksi tidak menggunakan meter yang dipasang dengan alasan alat tersebut rosak. Segelintir kakitangan bas pula didapati kurang sopan apabila berurusan dengan penumpang. Walaupun perkara ini tidak

TERHAD

disenangi, namun pengguna terpaksa menggunakan perkhidmatan awam kerana tiada pilihan lain.

4.0 Cadangan untuk Mengatasinya

4.1 Memperketat Penguatkuasaan Undang-undang tentang Usia Kenderaan Awam

Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah memperketat penguatkuasaan undang-undang tentang usia kenderaan awam di jalan raya. Kenderaan yang terlalu lama misalnya, yang melebihi usia 20 tahun haruslah ditamatkan perमितnya. Pengusahanya boleh diberikan bantuan kewangan untuk menggantikannya dengan kenderaan yang baharu. Bantuan yang sama hendaklah diberikan kepada pemilik kenderaan awam yang kenderaan awamnya didapati kurang elok. Selain menjaga keselamatan pengguna, langkah ini penting untuk memberikan keselesaan kepada pengguna perkhidmatan tersebut.

4.2 Menambahkan Pengeluaran Permit Kenderaan Awam

Bagi mengatasi masalah kekurangan kenderaan awam, pihak kerajaan seharusnya menambahkan pengeluaran permit kenderaan awam di negara ini. Hal ini bertujuan untuk membolehkan lebih banyak kenderaan awam beroperasi. Langkah ini penting untuk mengelakkan orang ramai berebut-rebut untuk menaiki kenderaan, terutamanya ketika menjelang musim perayaan. Pertambahan pemilik kenderaan awam juga penting untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pengusaha. Impaknya, pengguna dapat membuat pilihan dan masalah kekurangan kenderaan dapat dikurangkan.

5.0 Penutup

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa kelemahan perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Selain kekurangan jumlah kenderaan awam, sikap pengusaha yang terlalu mementingkan keuntungan memungkinkan kenderaan awam tidak terjaga. Kelemahan tersebut dapat diatasi sekiranya pengusaha kenderaan awam memahami bahawa mereka sebenarnya turut melaksanakan tanggungjawab sosial. Sekiranya syarikat kenderaan awam di negara ini dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti, orang ramai juga akan berasa selesa menggunakan perkhidmatan awam yang disediakan.

Laporan disediakan oleh,

10 Mac 2013

Muhammad

(MUHAMMAD BIN DAIMIN)
Setiausaha Persatuan Keselamatan Sosial
Daerah Pekan

TERHAD

FORMAT 2: SYARAHAN

Esei berformat syarahan mestilah mengandungi aspek yang berikut:

- (i) Kata alu-aluan
- (ii) Kata sapaan
- (iii) Penutup

Contoh soalan

Bersempena dengan Kempen Gaya Hidup Sihat, anda telah terpilih untuk mewakili daerah anda dalam pertandingan syarahan anjuran Jabatan Kesihatan Negeri. Tajuk syarahan anda ialah “Amalan Hidup Sihat”. Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

Skema jawapan

Esei hendaklah ditulis berdasarkan format syarahan, iaitu didahului dengan kata alu-aluan, kata sapaan, dan penutup yang sesuai.

Pendahuluan

- Kata alu-aluan
- Tajuk syarahan

Isi

- IS1 Mengamalkan gaya hidup sihat
- IS2 Mengamalkan pemakanan seimbang
- IS3 Mengamalkan senaman
- IS4 Menjaga kebersihan
- IS5 Menjauhi tabiat merokok dan penyalahgunaan dadah
- IS6 Mendapatkan rawatan doktor

Penutup

- Kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan perlu ditingkatkan.
- Bagi menambahkan pengetahuan orang ramai tentang hal ini, panduan tentang penjagaan kesihatan perlu disebarluaskan.
- Semoga “Amalan Hidup Sihat” menjadi realiti di bumi Malaysia.

TERHAD

Contoh esei

Yang dihormati tuan Pengerusi Majlis, Yang Arif panel hakim, dif-dif kehormat, rakan-rakan pelajar, dan hadirin sekalian, assalamualaikum dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri kerana mengundang saya untuk memberikan ceramah bersempena dengan kempen Gaya Hidup Sihat. Pada pagi ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk “Amalan Hidup Sihat”.

Hadirin sekalian,

Setiap individu ingin hidup sihat dari segi fizikal dan mental. Seseorang dapat melakukan aktiviti harian tanpa gangguan dengan memiliki tubuh badan yang sihat. Walaupun begitu, matlamat tersebut tidak mudah dicapai sekiranya seseorang itu tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Bagi mencapai matlamat tersebut, setiap individu perlu melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kesihatan, dan pada masa yang sama meninggalkan aktiviti yang boleh menjejaskan mutu kesihatan.

Antara usaha bagi mencapai matlamat tersebut adalah dengan mengamalkan pengambilan makanan seimbang. Makanan yang dimakan hendaklah mengandungi zat yang secukupnya untuk mencegah seseorang daripada serangan penyakit. Seseorang yang tidak mengambil kira tentang pemakanan seimbang akan terdedah kepada risiko serangan pelbagai penyakit. Misalnya, pengambilan gula dan kolestrol yang berlebihan akan memungkinkan seseorang diserang penyakit Diabetis dan menimbulkan masalah kepada fungsi jantung. Rajah piramid pemakanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan perlu dijadikan panduan untuk memastikan bahawa makanan yang dimakan itu mengandungi khasiat yang seimbang dan dapat menyihatkan badan.

Hadirin yang dikasihi,

Aktiviti senaman amat penting untuk kesihatan seseorang. Hal ini demikian kerana semasa bersenam, sebahagian besar organ dalam badan seseorang bergerak aktif. Jantung akan berfungsi dengan baik untuk memastikan perjalanan darah menjadi lancar. Di samping itu, pembakaran lemak dalam badan akan berlaku, sekali gus individu dapat mengatasi masalah lebih lemak di dalam badan. Ringkasnya, melalui senaman, badan menjadi lebih sihat dan otak menjadi cerdas. Jika rakyat negara ini mengamalkan aktiviti senaman, tidak mustahil tahap kesihatan rakyat Malaysia akan meningkat. Oleh itu, kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan aktiviti senaman hendaklah dipupuk.

Selain itu, penjagaan kebersihan juga merupakan salah satu amalan hidup sihat. Orang ramai hendaklah memastikan bahawa tubuh badan, pakaian, makanan, dan persekitaran sentiasa bersih. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka daripada bermain di tempat yang kotor. Mereka juga perlu memastikan bahawa kawasan di dalam dan di luar rumah berada dalam keadaan yang bersih. Sampah sarap di persekitaran perlu dibuang di tempat pembuangan sampah atau ditanam. Langkah ini dapat mengelakkan persekitaran daripada menjadi tumpuan bakteria atau serangga-serangga tertentu, terutamanya lalat, lipas, dan nyamuk.

Meskipun orang ramai diberitahu tentang bahaya merokok, permintaan terhadap rokok masih tinggi. Masalah penyalahgunaan dadah pula masih berterusan. Kedua-dua tabiat ini perlu dijauhi sekiranya seseorang ingin menikmati kehidupan yang sihat. Hal ini demikian kerana perokok lebih terdedah kepada risiko diserang sakit jantung, kanser, dan katarak. Gejala penyalahgunaan dadah pula mengundang pelbagai masalah dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, kesedaran orang ramai tentang bahaya tabiat merokok dan penyalahgunaan dadah amat penting.

Setiap orang perlu mendapatkan rawatan doktor dengan segera apabila berhadapan dengan masalah kesihatan. Pada kebiasaannya, orang ramai hanya menemui doktor apabila penyakit sudah serius. Amalan sedemikian perlu diubah. Orang ramai hendaklah menghayati ungkapan bahawa “mencegah penyakit lebih mudah daripada mengubatinya”.

TERHAD

Sehubungan dengan itu, orang ramai perlu sentiasa melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit dan mengetahui tahap kesihatan mereka. Tindakan yang lebih baik adalah dengan mendisiplinkan diri untuk mendapatkan rawatan kesihatan setiap enam bulan. Sekiranya saranan ini diikuti, sesuatu penyakit akan lebih mudah dicegah sebelum dirawat.

Hadirin yang budiman,

Sebagai kesimpulan, kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan perlu ditingkatkan. Langkah ini penting supaya setiap individu dapat mendisiplinkan diri, terutama dalam aspek pemakanan dan penjagaan kebersihan. Tanpa kesedaran tersebut, orang ramai tidak akan mementingkan gaya hidup yang sihat. Bagi menambahkan pengetahuan orang ramai tentang hal ini, panduan tentang penjagaan kesihatan perlu disebarluaskan. Semoga “Amalan Hidup Sihat” yang kita perkatakan ini benar-benar menjadi realiti di bumi Malaysia.

Semoga rakyat Malaysia mementingkan gaya hidup sihat dalam menjalani kehidupan seharian. Sekian, terima kasih.

TERHAD

FORMAT 3: CERAMAH

Esei berformat ceramah mestilah mengandungi aspek yang berikut:

- (i) Kata alu-aluan
- (ii) Kata sapaan
- (iii) Penutup

Contoh soalan

Anda sebagai pegawai kanan di Kementerian Belia dan Sukan diminta untuk menyampaikan ceramah kepada sekumpulan belia dalam satu majlis Perhimpunan Hari Belia Peringkat Negeri. Fokus ceramah anda tentang fungsi sukan dalam pembangunan negara. Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

Skema jawapan

Esei hendaklah ditulis berdasarkan format ceramah, iaitu didahului dengan kata alu-aluan, kata sapaan, dan penutup yang sesuai.

Pendahuluan

- Kata alu-aluan
- Tajuk ceramah

Isi

- IS1 Membantu peningkatan produktiviti dan seterusnya membantu pembangunan negara
- IS2 Melahirkan golongan remaja yang berkualiti yang dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara
- IS3 Memupuk persahabatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat di sesebuah negara
- IS4 Memajukan industri pelancongan di negara yang berkenaan
- IS5 Meningkatkan imej negara

Kesimpulan

- Aktiviti sukan penting bukan sahaja untuk melahirkan anggota masyarakat yang berkualiti tetapi juga dapat membantu pembangunan negara.
- Setiap anggota masyarakat seharusnya menjinakkan diri dengan sukan yang sesuai dengan minat, kebolehan, dan keupayaan masing-masing.
- Usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai agar bersukan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa.

TERHAD

Contoh esei

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berbahagia, Tuan Haji Abu bin Bakar, Pengarah Belia dan Sukan Negeri Perak; Yang Berusaha Encik Kamal bin Arifin, Pengerusi Perhimpunan Hari Belia Peringkat Negeri Perak; dif-dif kehormat; para atlet; dan hadirin yang dihormati. Pada kesempatan ini, saya akan memperkatakan fungsi sukan dalam pembangunan negara.

Kebanyakan anggota masyarakat di negara ini meminati sukan. Menyedari hakikat inilah kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan infrastruktur sukan kepada orang ramai. Kini, padang permainan, dewan badminton, gelanggang olahraga, dan kemudahan sukan yang lain dibina di kawasan tertentu. Kesediaan pihak kerajaan berbuat demikian adalah atas kesedaran bahawa sukan bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada individu tetapi juga memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara.

Pakar-pakar kesihatan mengakui bahawa aktiviti sukan penting untuk kesihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa bermain bola sepak, badminton, dan olahraga misalnya, semua organ dalam badan seseorang menjadi aktif. Jantung akan berfungsi dengan baik. Pembakaran lemak juga berlaku dan badan akan mengeluarkan peluh. Dengan demikian, masalah lebihan lemak dalam badan dapat dielakkan dan badan menjadi sihat. Kesihatan fizikal akan mempengaruhi kesihatan mental individu. Masyarakat yang sihat dari segi fizikal dan mental dapat menjalankan tugas dengan baik dan seterusnya membantu pembangunan negara.

Hadirin yang dimuliakan,

Masa lapang seseorang dapat dimanfaatkan dengan bersukan kerana aktiviti ini lazimnya dijalankan pada waktu yang terluang. Dengan cara demikian, anggota masyarakat tidak membuang masa pada perkara yang tidak berfaedah. Golongan remaja tiada kesempatan untuk melepak, menganggotai kumpulan gangster, dan melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Tegasnya, aktiviti sukan dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan anak muda, seterusnya dapat melahirkan golongan remaja yang berkualiti yang dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.

Sukan juga dapat memupuk persahabatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat di sesebuah negara. Apabila sesuatu jenis sukan diwakili oleh peserta daripada pelbagai kaum, mereka sudah tentu akan bekerjasama dan saling membantu untuk mencapai satu matlamat, iaitu kejayaan. Semasa berada dalam satu kumpulan, timbul perasaan kekitaan atau *esprit de corp* dalam kalangan mereka. Semangat ini amat penting bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. Selain itu, perpaduan turut dapat disemai dalam kalangan penonton apabila mereka menyokong pasukan yang sama. Nilai perpaduan ini menjadi landasan untuk rakyat membangunkan negara.

Hadirin yang dimuliakan,

Apabila sesebuah negara terpilih menjadi tuan rumah bagi acara sukan yang bertaraf antarabangsa, negara yang berkenaan akan dikunjungi oleh pemain, pegawai, wartawan, dan penyokong dari pelbagai negara. Mereka sudah tentu akan berbelanja sepanjang berada di negara yang berkenaan. Pengaliran wang asing yang berlaku tentu sekali menguntungkan negara. Apabila pulang, mereka akan mempromosikan tempat-tempat yang menarik di negara tuan rumah kepada rakan-rakan. Dalam jangka panjang, situasi ini dapat memajukan industri pelancongan di negara yang berkenaan.

Selain itu, imej negara dapat ditingkatkan melalui sukan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila sesebuah negara mengambil bahagian dalam sukan yang bertaraf dunia, nama negara yang berkenaan akan dikenali, apatah lagi sekiranya negara yang berkenaan mengungguli sesuatu permainan. Sebagai contoh, negara Brazil sinonim dengan bola sepak dan Malaysia pula dikaitkan dengan kehebatan dalam sukan badminton. Kejayaan sesebuah negara menganjurkan sukan yang bertaraf dunia turut mengharumkan nama negara. Contohnya, keupayaan Malaysia menganjurkan

TERHAD

Sukan Komanwel 1998 secara tidak langsung mencelikkan mata masyarakat antarabangsa tentang keupayaan negara kerdil ini menganjurkan sukan yang bertaraf dunia.

Kesimpulannya, aktiviti sukan penting bukan sahaja untuk melahirkan anggota masyarakat yang berkualiti tetapi juga dapat membantu pembangunan negara, seterusnya meningkatkan imej negara. Menyedari kepentingan inilah, setiap anggota masyarakat seharusnya menjinakkan diri dengan sukan yang sesuai dengan minat, kebolehan, dan keupayaan masing-masing. Sehubungan dengan itu, usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai agar bersukan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Matlamat ini akan tercapai seandainya kita menghayati cogan kata “Majulah Sukan untuk Negara.”

Sekadar inilah ceramah saya pada pagi ini. Seandainya terkasar bahasa, maaf saya pinta. Sekian, terima kasih.

TERHAD

FORMAT 4: TEKS UCAPAN

Esei berformat teks ucapan mestilah mengandungi aspek yang berikut:

- (i) Kata alu-aluan
- (ii) Kata sapaan
- (iii) Penutup

Contoh soalan

Sebagai pegawai kanan di Kementerian Pendidikan, anda diminta untuk menyampaikan ucapan dalam suatu majlis perasmian Hari Sains di sebuah sekolah. Ucapan itu hendaklah menekankan cara memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan pelajar. Sediakan teks ucapan tersebut selengkapnya.

Skema jawapan

Esei hendaklah ditulis berdasarkan format ucapan, iaitu didahului dengan kata alu-aluan, kata sapaan, dan penutup yang sesuai.

Pendahuluan

- Kata alu-aluan
- Tajuk ucapan

Isi

- IS1 Ibu bapa hendaklah memperkenalkan “dunia sains” kepada anak-anak
- IS2 Unit Kaunseling harus mengadakan ceramah untuk membetulkan persepsi pelajar tentang mata pelajaran sains dan teknologi
- IS3 Guru mata pelajaran Sains hendaklah memberikan penekanan kepada aspek amali dan penyelidikan, dan tidak terlalu memfokuskan teori
- IS4 Institusi pengajian tinggi hendaklah menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi
- IS5 Kementerian Pendidikan perlulah mengadakan Kempen Budaya Sains dan Teknologi dalam kalangan pelajar

Penutup

- Bidang sains dan teknologi banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia
- Pelajar hendaklah memantapkan ilmu dalam bidang ini
- Kesedaran semua pihak tentang kepentingan sains dan teknologi amat penting demi menjayakan usaha untuk memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan pelajar

TERHAD

Contoh esei

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berusaha, Encik Abdul Rahman bin Hassan, Pengetua Sekolah Menengah Sri Delima; dif-dif kehormat; guru-guru; para pelajar; dan hadirin yang budiman. Tajuk ucapan saya pada pagi ini ialah cara untuk memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan pelajar.

Para pelajar sekalian,

Ekoran kemajuan sains dan teknologi, terciptalah pelbagai alatan yang memudahkan urusan harian manusia. Penciptaan kenderaan canggih membolehkan sesiapa sahaja bergerak ke sana ke sini dalam masa yang singkat. Penemuan kaedah rawatan moden pula telah membantu pihak perubatan mengesan dan merawat penyakit dengan lebih berkesan. Walaupun kepentingan sains dan teknologi diakui, namun kesedaran orang ramai, khususnya pelajar tentang perkara ini masih kurang. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan pelajar perlu dilakukan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, ibu bapa hendaklah memperkenalkan “dunia sains dan teknologi” kepada anak-anak. Selain memberitahu anak-anak tentang kepentingan budaya sains dan teknologi dalam kehidupan era moden, ibu bapa seharusnya membawa anak-anak mengunjungi pameran sains dan teknologi yang sering diadakan. Tujuannya adalah untuk menanam minat anak-anak terhadap sains dan teknologi sejak awal lagi. Bagi anak-anak yang menunjukkan minat mereka terhadap bidang ini, galakan hendaklah diberikan agar minat tersebut dapat disuburkan.

Setengah pelajar beranggapan bahawa Sains merupakan mata pelajaran yang sukar dipelajari. Oleh hal yang demikian, fobia terhadap mata pelajaran Sains perlu dihilangkan dalam diri pelajar. Di sekolah, Unit Bimbingan dan Kaunseling harus mengadakan ceramah untuk membentulkan tanggapan tersebut. Kesedaran tentang hal ini juga perlu diberikan kepada ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Selain itu, pelajar yang telah berjaya dalam bidang tersebut boleh diundang untuk memberikan penjelasan kepada pelajar tentang perlunya budaya sains dan teknologi pada era globalisasi. Langkah ini penting untuk membina keyakinan dalam diri pelajar bahawa sains dan teknologi mampu dipelajari oleh sesiapa sahaja.

Pelajar-pelajar yang saya kasihi,

Di sekolah, guru mata pelajaran Sains hendaklah memberikan penekanan kepada aspek amali dan penyelidikan, di samping penekanan terhadap teori. Selain itu, pertandingan reka cipta sains perlu diadakan dari semasa ke semasa. Aktiviti ini penting untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti pelajar. Ganjaran yang setimpal perlu disediakan untuk menarik lebih ramai pelajar mengambil bahagian. Usaha ini dipercayai dapat meningkatkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi, sekali gus memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Seterusnya, institusi pengajian tinggi pula hendaklah menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Dengan berbuat demikian, lebih ramai pelajar berpeluang untuk mengikuti pengajian dalam bidang tersebut. Pada masa yang sama, pihak institusi yang berkenaan hendaklah menyediakan kemudahan pembelajaran sains dan teknologi yang mencukupi untuk membolehkan pelajar mengikuti pengajian dengan berkesan. Di samping itu, insentif kepada pelajar yang cemerlang dalam bidang tersebut wajar diberikan sebagai pendorong agar pelajar berusaha untuk menguasai bidang tersebut. Oleh hal yang demikian, pihak institusi pengajian tinggi harus memikirkan pelbagai kaedah untuk menarik minat generasi muda dalam bidang sains dan teknologi.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan mengadakan Kempen Budaya Sains dan Teknologi dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, wacana ilmu yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi telah diadakan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, aktiviti forum dan wawancara tentang sains dan teknologi diadakan sepanjang pelaksanaan kempen itu. Selain itu, peraduan menulis esei, pidato, melukis poster, dan mencipta puisi yang bertemakan sains dan teknologi telah diadakan

TERHAD

khusus untuk pelajar sekolah. Kempen yang berterusan ini diyakini dapat memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Pelajar yang budiman,

Sesungguhnya, bidang sains dan teknologi banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia. Pelajar hendaklah memantapkan ilmu dalam bidang ini. Selain itu, kesedaran semua pihak tentang kepentingan sains dan teknologi amatlah penting. Dengan adanya kesedaran sedemikian, usaha pemupukan budaya sains dan teknologi dalam kalangan pelajar akan mencapai matlamatnya. Akhir kata, sama-samalah kita memainkan peranan dalam memartabatkan bidang sains dan teknologi demi kemajuan negara. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

TERHAD

FORMAT 5: MEMORANDUM

Contoh Soalan

MEMORANDUM

Kepada :
Daripada :

Tajuk Memorandum

1.0 Pendahuluan

2.0 Pernyataan Masalah/Kebimbangan/Kekesalan/Bantahan (*berdasarkan tugas soalan*)

2.1 }
2.2 } (*mesti ada subtajuk*)
2.3 }

3.0 Usul

3.1 }
3.2 } (*mesti ada subtajuk*)
3.3 }

4.0 Penutup

Disediakan oleh,

Tarikh

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

TERHAD

Contoh soalan

Kini, stesen televisyen cenderung untuk mengadakan rancangan hiburan yang bersifat realiti bagi menarik minat penonton. Rancangan sedemikian menimbulkan kesan negatif kepada penonton, terutamanya golongan remaja.

Sebagai pengerusi sebuah persatuan kebudayaan dan kesenian yang berpengaruh, anda diminta untuk menghantar satu memorandum kepada Menteri Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan. Dalam memorandum tersebut, anda menyatakan kesan negatif yang timbul daripada rancangan tersebut, dan mengemukakan usul untuk menangani kesan negatif itu. Tulis memorandum tersebut selengkapnya.

Skema jawapan

Jawapan calon mestilah berdasarkan format memorandum.

MEMORANDUM

Kepada :

Daripada :

Tajuk Memorandum

1.0 Pendahuluan

2.0 Pernyataan Masalah/Kebimbangan/Kekesalan/Bantahan (*berdasarkan tugas soalan*)

2.1 }
2.2 } (*mesti ada subtajuk*)
2.3 }

3.0 Usul

3.1 }
3.2 } (*mesti ada subtajuk*)
3.3 }

4.0 Penutup

Disediakan oleh,

Tarikh

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

MEMORANDUM

Contoh esei

Kepada : YB Menteri Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan
Daripada : Pengerusi Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Daerah Pekan

**Memorandum tentang Rancangan Hiburan
Bersifat Realiti yang Disiarkan melalui Televisyen**

1.0 Pendahuluan

Dunia hiburan sekarang semakin berkembang di negara ini. Kini, rancangan hiburan yang bersifat realiti, misalnya Vokal Bukan Sekadar Rupa, Maharaja Lawak, Mentor, dan lain-lain telah diperkenalkan oleh syarikat televisyen tempatan. Rancangan Maharaja Lawak khususnya, bukan sahaja diminati oleh anak muda tetapi juga oleh orang dewasa. Meskipun rancangan tersebut mendatangkan kepuasan kepada mereka, namun kesan negatifnya akan menjejaskan masa depan orang ramai, khususnya golongan remaja. Menyedari hal itu, Persatuan Seni Warisan Daerah Pekan menghantar memorandum ini untuk mengemukakan kesan negatif rancangan tersebut dan juga usul untuk menangani kesan yang dimaksudkan.

2.0 Pernyataan Kekesalan

Pihak persatuan berasa kesal tentang isu berkenaan kerana penyiaran rancangan berkenaan boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada penonton, khususnya golongan remaja.

2.1 Pembaziran Masa

Kewujudan rancangan hiburan yang bersifat realiti mengakibatkan banyak masa seseorang terbuang, lebih-lebih lagi bagi rancangan yang tempoh siarannya panjang. Situasi ini menjejaskan kelancaran aktiviti harian mereka yang berkenaan. Bagi sesetengah pelajar pula, mereka sanggup menanggung tugas yang diberikan oleh guru semata-mata untuk berada di hadapan televisyen bagi mengikuti perkembangan rancangan hiburan yang bersifat realiti yang menjadi kegemaran mereka. Segelintir pelajar sanggup ponteng kelas tuisyen bagi tujuan tersebut. Sekiranya amalan ini berterusan, prestasi akademik mereka akan merosot, dan situasi ini sekali gus menjejaskan usaha kita untuk melahirkan pelajar yang tahu menghargai masa dan cemerlang dalam bidang akademik.

2.2 Pengaruh Negatif

Selain itu, cara berpakaian, pergaulan, ataupun perlakuan artis yang kadangkala bertentangan dengan nilai ketimuran, ternyata mempengaruhi tingkah laku golongan remaja. Oleh sebab itulah kebanyakan remaja di negara ini suka berpakaian yang mencolok mata. Pergaulan bebas antara artis lelaki dengan artis perempuan juga menjadi amalan atau ikutan sesetengah remaja. Golongan ini bertindak demikian kerana golongan artis sememangnya menjadi ikutan mereka. Lagipun, pada usia sebegini, golongan remaja mudah terikut-ikut dengan perlakuan orang lain. Selain menjejaskan imej remaja, tindakan golongan ini turut menjejaskan imej masyarakat dan negara.

3.0 Usul

Yang berikut merupakan usul bagi menangani masalah tersebut.

3.1 Mengehadkan Rancangan

Bagi menangani kesan negatif rancangan hiburan yang bersifat realiti, bilangan rancangan tersebut hendaklah dikurangkan. Selain itu, tempoh siarannya juga perlulah dipendekkan. Hal ini demikian kerana kebanyakan stesen televisyen tempatan menyiarkan rancangan

TERHAD

hiburan bersifat realiti tanpa had untuk mengaut keuntungan. Stesen televisyen harus memikul tanggungjawab sosial untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang lebih bersifat mendidik masyarakat. Sehubungan dengan itu, Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan wajar menyediakan garis panduan tentang jumlah dan tempoh tayangan rancangan yang wajib dipatuhi oleh semua stesen televisyen.

3.2 Menyediakan Garis Panduan

Selain itu, pihak kerajaan hendaklah menetapkan garis panduan, khususnya tentang perkara yang berkaitan dengan akhlak dan moral artis serta juri yang terlibat. Garis panduan yang disediakan haruslah menitikberatkan nilai-nilai ketimuran rakyat Malaysia. Sebagai contoh, penggunaan bahasa kasar tidak dibenarkan. Selain itu, batas pergaulan antara artis lelaki dengan artis perempuan serta gaya berpakaian mereka haruslah ditetapkan. Hal ini demikian kerana penonton mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat oleh mereka. Oleh itu, kerajaan haruslah menyediakan garis panduan yang jelas.

4.0 Penutup

Rancangan hiburan yang bersifat realiti banyak mendatangkan kesan negatif kepada orang ramai, terutamanya golongan remaja. Pembaziran masa dan wang bukan sekadar merugikan mereka, tetapi turut menjejaskan usaha untuk melahirkan remaja yang bijak merancang dan cemerlang dalam semua bidang. Persatuan ini tidak menuntut agar rancangan yang sedemikian dihentikan tetapi mengemukakan beberapa usul yang difikirkan wajar dilaksanakan untuk kebaikan semua. Sekiranya usul di atas dilaksanakan, persatuan ini yakin bahawa kesan negatif yang dimaksudkan itu akan berkurangan. Semoga matlamat negara untuk melahirkan remaja yang berwawasan akan menjadi kenyataan.

Disediakan oleh,

30 Mei 2012

Abdul Rahim

(ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH)

Pengerusi

Persatuan Seni Warisan

Daerah Pekan

TERHAD

FORMAT 6: MINIT MESYUARAT

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERSATUAN**
BIL..... /.....

Tarikh :
Hari :
Masa :
Tempat :

Yang Hadir (senarai nama yang hadir hendaklah mengikut hierarki jawatan)

1. – Pengerusi
2. – Naib Pengerusi
3. – Setiausaha
4. – Bendahari
5. – AJK
6. – AJK
7. – AJK

**Untuk minit mesyuarat agung, kehadiran ahli dinyatakan dalam lampiran*

Yang Turut Hadir

- 1.
- 2.

Yang Tidak Hadir (dengan kenyataan)

- 1.

Yang Tidak Hadir (tanpa kenyataan)

1.0 Ucapan Pengerusi

- 1.1 Ucapan terima kasih
- 1.2 Menyatakan tujuan mesyuarat
- 1.3 Harapan pengerusi

Tindakan : Makluman

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat

Penyataan tentang pengesahan minit mesyuarat

3.0 Perkara Berbangkit (calon perlu menulis sekurang-kurangnya dua isi)

- 3.1 Menyatakan hal atau perkara yang ditimbulkan dalam mesyuarat berdasarkan minit atau catatan mesyuarat yang lalu.

Tindakan : Makluman

4.0 Perbincangan Aktiviti

- 4.1 Aktiviti yang telah Dilaksanakan (*opsyenal*)
 - 4.1.1
 - 4.1.2
 - 4.1.3

TERHAD

- (a)
- (b)

Tindakan :

4.2. Aktiviti yang akan Dilaksanakan

Tindakan :

4.3 Laporan Kewangan (*opsyenal*)

4.3.1 Melaporkan kedudukan kewangan semasa

4.3.2 Membentangkan anggaran perbelanjaan untuk program yang akan dilaksanakan

Tindakan :

5.0 Hal-Hal Lain (*berkaitan dengan tugas, tetapi di luar agenda mesyuarat*)

5.1 Menyatakan perkara yang di luar agenda mesyuarat

Tindakan :

6.0 Penangguhan/Penutup Mesyuarat

6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul dan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

.....
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

.....
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

TERHAD

Contoh soalan

Jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan program persatuan. Sebagai setiausaha persatuan, anda ditugaskan untuk mencatat minit mesyuarat yang membincangkan perancangan dan pelaksanaan program persatuan sepanjang tahun ini. Tulis minit mesyuarat tersebut dengan lengkap.

Contoh esei

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERSATUAN BAHASA MELAYU PRAUNIVERSITI SMK MAJU
BIL.2/2013**

Tarikh : 10 April 2013
Hari : Selasa
Masa : 2:30 petang
Tempat : Bilik Gerakan SMK Maju

Yang Hadir

1. Sdr. Rahmat bin Salleh – Pengerusi
2. Sdr. Zainal bin Husin – Setiausaha
3. Sdr. Tan Poh Beng – Bendahari
4. Sdr. Ragunathan a/l Ganesan – AJK
5. Sdr. Abu Bakar bin Surin – AJK
6. Sdr. Muhamad bin Ibrahim – AJK
7. Sdri. Maimun binti Harun – AJK

Yang Turut Hadir

1. Pn. Hasnah binti Husin – Guru Penasihat

Yang Tidak Hadir (dengan kenyataan)

1. Sdr. Abd Razak bin Ahmad – AJK
2. Sdri. Suriati binti Tahir – AJK

Yang Tidak Hadir (tanpa kenyataan)

1. Sdr. Ampang a/l Japing – AJK

1.0 Ucapan Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat dan mengucapkan terima kasih kepada ahli kerana semua ahli dapat meluangkan masa untuk menghadiri mesyuarat ini tepat pada masanya.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan perancangan dan pelaksanaan program persatuan sepanjang tahun 2012.
- 1.3 Pengerusi berharap agar segala aktiviti persatuan yang dirancangan dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan, sekali gus dapat memberikan faedah kepada ahli persatuan.

Tindakan : Makluman

TERHAD

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 1/2012

Minit Mesyuarat Bil.1/2012 diterima sebulat suara tanpa pindaan.

3.0 Perkara Berbangkit

3.1 Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Program Lawatan ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dijadualkan pada awal Februari 2013 terpaksa ditangguhkan kerana pada ketika itu DBP sedang menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian di beberapa bahagian.

Tindakan : Makluman

3.2 Berhubung dengan perkara 4.2 dalam mesyuarat Bil.1/2013, mesyuarat kali ini bersetuju untuk mengundang Yang Berbahagia Dr. Ahmad bin Husin, penulis novel, cerpen, dan puisi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyampaikan ceramah tentang penghasilan karya-karya sastera. Semua ahli Persatuan Bahasa Melayu Prauniversiti sekolah ini dikehendaki menyertai program tersebut.

Tindakan : Setiausaha

4.0 Perbincangan Aktiviti

4.1 Aktiviti yang Dirancang

4.1.1 Mesyuarat memutuskan bahawa beberapa program yang dirancangkan dan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa yang lalu dipinda tarikhnya kerana perubahan tarikh Peperiksaan Akhir Tahun dan Peperiksaan Percubaan STPM 2013 yang diawalkan. Tarikh baharu program yang disetujui adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|--------------------------------------|---|---------------|
| (a) Pertandingan Menulis Esei Ilmiah | – | Mei 2013 |
| (b) Program Penulisan Kreatif | – | Julai 2013 |
| (c) Lawatan ke DBP | – | Ogos 2013 |
| (d) Jamuan Akhir Tahun | – | November 2013 |

Tindakan: AJK yang berkenaan

4.1.2 Semua AJK yang berkenaan hendaklah menyediakan draf kertas cadangan tentang pelaksanaan program di atas. AJK yang berkenaan juga hendaklah berbincang dengan pihak pengurusan sekolah terlebih dahulu untuk mendapatkan pandangan tentang pelbagai perkara yang berkaitan dengan program tersebut. Semua kertas cadangan yang dimaksudkan itu hendaklah disiapkan sebelum 20 April untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang akan datang.

Tindakan : AJK yang berkenaan

4.1.3 Mengenai perbelanjaan untuk mengadakan program di atas, majlis bersetuju untuk membincangkannya dengan pihak pengurusan sekolah dan memohon bantuan daripada pelbagai agensi yang berkaitan. Jumlah perbelanjaan bagi setiap program akan dibincangkan oleh jawatankuasa kecil bersama dengan bendahari persatuan.

Tindakan : AJK yang berkenaan dan Bendahari

4.2 Laporan Kewangan

4.2.1 Bendahari telah melaporkan perbelanjaan kewangan persatuan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa baki wang persatuan dalam akaun adalah sebanyak RM 542.10.3

4.2.2 Mesyuarat menerima penyata kewangan yang dibentangkan.

Tindakan : Makluman

TERHAD

5.0 Hal-hal Lain

- 5.1 Mesyuarat mencadangkan agar pihak sekolah mengadakan Seminar Teknik Menjawab Soalan BM STPM di luar sekolah seperti yang dilakukan oleh sekolah-sekolah yang lain. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam menjawab soalan STPM. Tarikh program ini adalah sebelum Peperiksaan Percubaan STPM. Guru penasihat persatuan akan membincangkan perkara ini dengan pihak pentadbiran sekolah.

Tindakan : Pengerusi, Setiausaha, dan Guru Penasihat

- 5.2 Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan pungutan derma di sekolah bagi meringankan beban seorang ahli persatuan, iaitu Amir bin Abu, pelajar Tingkatan 6 Bawah Tekun yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada bulan lepas dengan meminta kebenaran daripada pihak pengetua.

Tindakan : Pengerusi dan Setiausaha

6.0 Penangguhan/Penutup Mesyuarat

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4:30 petang dan mesyuarat seterusnya akan diadakan pada bulan Jun 2013.


Disediakan oleh,
ZAINAL HUSIN
Rahmat Salleh
(ZAINAL BIN HUSIN)
Setiausaha
Persatuan BM Prauniversiti
SMK Maju

Disemak oleh,

(RAHMAT BIN SALLEH)
Pengerusi
Persatuan BM Prauniversiti
SMK Maju

TERHAD

FORMAT 7: KERTAS CADANGAN



NAMA INSTITUSI/ORGANISASI (SMK...)

NAMA DOKUMEN (KERTAS CADANGAN)

TAJUK KERTAS CADANGAN (CADANGAN UNTUK.....)

ANJURAN (NAMA PENGANJUR)

Nota: *Semua maklumat di muka hadapan mestilah ditulis menggunakan huruf besar.*

TAJUK

1.0 Pengenalan

2.0 Objektif Program

Program ini mempunyai objektif seperti yang berikut:

- 2.1
 - 2.2
 - 2.3
 - 2.4
- Objektif mestilah bersifat khusus, mengikut program yang ingin dijalankan*

3.0 Rasional

Program ini diadakan atas pertimbangan yang berikut:

- 3.1
- 3.2
- 3.3

4.0 Tarikh, Hari, Masa, dan Tempat

- 4.1 Tarikh:
- 4.2 Hari:
- 4.3 Masa:
- 4.4 Tempat:

5.0 Peserta/kumpulan sasaran

6.0 Penceramah dan Tetamu Kehormat/Jemputan

7.0 Program Tentatif

<i>Tarikh/Hari</i>	<i>Masa</i>	<i>Aktiviti</i>

8.0 Kewangan

- 8.1 Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan
- 8.2 Sasaran
- 8.3 Agihan Keuntungan Secara Kasar

9.0 Ahli Jawatankuasa

- Penaung
- Penasihat
- Pengerusi
- Setiausaha
- Bendahari

TERHAD

AJK Pelaksana

(i)

(ii)

(iii)

10.0 Penutup

Disediakan oleh,

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan
Tarikh

Disemak dan disokong oleh,

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan
Tarikh

Diluluskan oleh,

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan
Tarikh

TERHAD

Contoh soalan

Persatuan Pelajar Tingkatan 6 bercadang untuk mengadakan kem motivasi untuk pelajar tingkatan 6 Bawah di sekolah anda. Sebagai setiausaha, anda dikehendaki menyediakan kertas cadangan untuk program tersebut bagi mendapatkan kelulusan pengetua. Sediakan kertas cadangan tersebut selengkapnya.

Skema jawapan

Jawapan calon mestilah berdasarkan format kertas cadangan.

- (i) Muka depan kertas cadangan yang mengandungi maklumat berikut:
 - (a) Logo sekolah/organisasi (opsyenal)
 - (b) Nama sekolah/organisasi
 - (c) Nama dokumen (kertas cadangan)
 - (d) Tajuk kertas cadangan
 - (e) Anjuran

- (ii) Kertas cadangan yang mengandungi maklumat berikut:
 - (a) Tajuk
 - (b) Perincian kertas cadangan, iaitu:
 - 1.0 Pengenalan
 - 2.0 Objektif Program
 - 3.0 Rasional
 - 4.0 Tarikh, Hari, Masa, dan tempat
 - 5.0 Peserta
 - 6.0 Penceramah dan Tetamu Kehormat/Jemputan
 - 7.0 Program tentatif
 - 8.0 Kewangan
 - 9.0 Ahli jawatankuasa
 - 10.0 Penutup

TERHAD

Contoh esei



SEKOLAH MENENGAH AIR MAWAR

KERTAS CADANGAN

**CADANGAN MENGADAKAN KEM MOTIVASI UNTUK
PELAJAR TINGKATAN ENAM BAWAH SEKOLAH MENENGAH AIR MAWAR**

**ANJURAN
PERSATUAN TINGKATAN ENAM SEKOLAH MENENGAH AIR MAWAR**

**CADANGAN MENGADAKAN KEM MOTIVASI UNTUK
PELAJAR TINGKATAN ENAM BAWAH SEKOLAH MENENGAH AIR MAWAR**

1.0 Pengenalan

Sebagai sebuah persatuan yang dianggotai oleh pelajar peringkat prauniversiti di sekolah ini, kami berasa bertanggungjawab untuk membantu pelajar Tingkatan 6 Bawah untuk meningkatkan motivasi mereka dalam mengikuti pelajaran. Berdasarkan maklum balas yang diterima selepas kem motivasi pertama pada tahun lalu, jelas bahawa pelajar mendapat banyak manfaat daripadanya. Atas sebab itulah persatuan ini ingin mengadakannya lagi pada tahun ini.

2.0 Objektif Program

Program ini mempunyai objektif seperti yang berikut, iaitu

- 2.1 menimbulkan kesedaran kepada peserta bahawa pendidikan amat penting dalam kehidupan,
- 2.2 membantu peserta mengenal pasti minat, kebolehan, dan bakat diri sendiri dan memupuk motivasi sendiri,
- 2.3 membolehkan pelajar mengetahui dan mengamalkan kaedah belajar yang berkesan agar mereka beroleh kecemerlangan dalam pelajaran.

3.0 Rasional

Program ini diadakan atas pertimbangan yang berikut:

- 3.1 Sesetengah pelajar Tingkatan 6 Bawah di sekolah ini tidak menunjukkan kesungguhan yang tinggi dalam mengikuti pelajaran. Demi masa depan, mereka perlu dibantu dengan diberikan kesedaran dan motivasi.
- 3.2 Langkah mengadakan kem motivasi secara khusus dengan menjemput penceramah difikirkan dapat menarik perhatian pelajar. Ilmu dan pengalaman yang diperoleh diharapkan dapat menyedarkan mereka akan kepentingan pendidikan supaya mereka lebih bersemangat untuk memberikan perhatian kepada pelajaran.
- 3.3 Aktiviti-aktiviti yang akan diikuti oleh pelajar sepanjang kem itu diadakan diharap dapat menimbulkan sensitiviti mereka terhadap kejayaan orang lain justeru dapat membantu mereka untuk membina motivasi sendiri.
- 3.4 Pelajar Tingkatan 6 Bawah dapat mengamalkan kaedah belajar yang berkesan sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan.

4.0 Tarikh, Hari, Masa, dan Tempat

- 4.1 Tarikh: 23–24 Mac 2013
- 4.2 Hari: Sabtu dan Ahad
- 4.3 Masa: Rujuk 7.0 Program Tentatif
- 4.4 Tempat: Asrama SM Air Mawar

5.0 Peserta

Anggaran peserta adalah seramai 50 orang. Semua pelajar Tingkatan 6 Bawah diwajibkan untuk menyertai kem tersebut dengan bayaran sebanyak RM80 seorang.

TERHAD

6.0 Penceramah dan Tetamu Kehormat/Jemputan

6.1 Penceramah

- (i) Haji Othman bin Mohd Ali dari Yayasan Insaniah, Selangor.
- (ii) Puan Siti Amriah Hj Abbas dari Yayasan Insaniah, Selangor.

6.2 Tetamu Kehormat/Jemputan

- (i) Pegawai Pelajaran Daerah Tanah Merah
- (ii) Pengetua SM Air Mawar
- (iii) Penolong-Penolong Kanan SM Air Mawar
- (iv) Pengerusi PIBG
- (v) Guru Penasihat Persatuan Pelajar Tingkatan 6

7.0 Program Tentatif

<i>Tarikh/hari</i>	<i>Masa</i>	<i>Aktiviti</i>
23 Mac 2013 Sabtu	7:30 pagi- 8:30 pagi	Pendaftaran peserta
	8:30 pagi-9:00 pagi	Pembukaan - Ucapan dan perasmian
	9:00 pagi-10:30 pagi	Ceramah 1
	10:30 pagi-11:00 pagi	Kudapan
	11:00 pagi-12:30 tengah hari	Latihan dalam kumpulan 1
	12:30 tengah hari-2:00 petang	Rehat dan makan tengah hari
	2:00 petang-4:00 petang	Ceramah 2
	4:00 petang-4:30 petang	Kudapan
	4:30 petang-5:30 petang	Aktiviti riadah
	5:30 petang-8:30 malam	Rehat dan makan malam
	8:30 malam-10:30 malam	Latihan dalam kumpulan 2
10:30 malam-11:00 malam	Kudapan	
24 Mac 2013 Ahad	5:30 pagi-6:30 pagi	Solat dan usrah
	6:30 pagi-7:30 pagi	Aktiviti riadah
	7:30 pagi- 8:30 pagi	Sarapan
	8:30 pagi-10:30 pagi	Ceramah 3
	10:30 pagi-11:00 pagi	Kudapan
	11:00 pagi-12:30 tengah hari	Latihan dalam kumpulan 3
	12:30 tengah hari-2:00 petang	Makan tengah hari dan rehat
	2:00 petang-4:00 petang	Latihan dalam kumpulan 4
	4:00 petang-4:30 petang	Sesi soal jawab dan rumusan
5:00 petang	Bersurai	

8.0 Kewangan

8.1 Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan	RM	Perbelanjaan	RM
Pungutan yuran penyertaan	4 000.00	Bayaran kepada penceramah	2 000.00
Sumbangan persatuan	200.00	Makanan dan minuman	
Sumbangan PIBG	500.00	(RM20/orang/hari)	2 000.00
Sumbangan sekolah	500.00	Cenderamata	350.00
		Sewa peralatan	300.00
		Lain-lain	550.00
Jumlah	5 200.00	Jumlah	5 200.00

TERHAD

9.0 Ahli Jawatankuasa

Penaung : Pengetua
Penasihat : Guru Persatuan Pelajar Tingkatan 6
Pengerusi : Ahmad Ali
Setiausaha : Amirah Abidin
Bendahari : Syed Mokhtar Alsaghaf

AJK Pelaksana:

- (i) Pendaftaran: Ahmad Hambali (Ketua)
- (ii) Jamuan: Asmah Ahmad (Ketua)
- (iii) Jemputan dan sambutan: Kursiah Kadir (Ketua)
- (iv) Buku program: Wahida Abd Wahid (Ketua)
- (v) Siar raya: Nawī Ismail (Ketua)
- (vi) Dokumentasi: Kasimah Kasim (Ketua)

10.0 Penutup

Persatuan berharap agar program ini mendapat sokongan kewangan dan moral, bimbingan, serta nasihat. Persatuan yakin bahawa program ini akan berhasil dan mencapai objektifnya.

Disediakan oleh,

Amirah Abidin

(AMIRAH BINTI ABIDIN)

Setiausaha Persatuan Tingkatan Enam

SM Air Mawar

4 Januari 2013

Disemak dan disokong oleh,

Mazlina

(MAZLINA BT MOHAMED)

Guru Penasihat

Persatuan Tingkatan 6

SM Air Mawar

7 Januari 2013

Diluluskan oleh,

FARID ISA

(HAJI FARID BIN ISA)

Pengetua

SM Air Mawar

9 Januari 2013

TERHAD

FORMAT 8: SURAT KIRIMAN RASMI

(a) Surat Kiriman Rasmi 1

.....
.....
.....

.....
.....
.....
(u.p:)

5 Mac 2012

Tuan/puan

Memohon Kebenaran untuk Menggunakan Balai Raya

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan,

.....
.....

3.

.....
.....

4.

.....
.....

5. Pertimbangan daripada pihak tuan amatlah kami harapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Tandatangan
(NAMA DALAM HURUF BESAR)
Jawatan

(a) Nama dan alamat pengirim

(b) Garis panjang

(c) Nama dan alamat penerima

(d) Untuk perhatian (*opsyenal*)

(e) Tarikh

(f) Rujukan kehormat

(g) Tajuk surat (*bergaris*)

(h) Pendahuluan surat: perenggan ini tidak diberikan apa-apa nombor.

(i) Isi surat: perlu diberikan nombor, bermula dengan nombor 2. Pemberian nombor kepada perenggan itu hendaklah berdasarkan pembahagian butir kandungannya.

(j) Penutup surat

(k) Penamat surat

(l) Pengakuan pengirim

(m) Tandatangan dengan nama dan jawatan pengirim

TERHAD

Contoh soalan

Anda sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar di sebuah institusi pendidikan tinggi awam telah ditugaskan untuk mengirim surat kepada Ketua Kampung bagi memohon kebenaran mengadakan aktiviti khidmat masyarakat di kampungnya. Tulis surat itu selengkapnya.

Contoh esei

Badrul Hisham bin Badrul Hafiz,
Presiden,
Majlis Perwakilan Pelajar,
Universiti Putra Malaysia (UPM),
60000 Serdang,
Selangor.

Tn. Hj Abu Salam bin Makruf,
Ketua Kampung,
Kampung Titi Gajah,
Lurah Bilut 8,
43105 Bentong,
Pahang .

5 Mac 2013

Tuan,

Memohon Kebenaran untuk Mengadakan Projek Khidmat Siswa, Universiti Putra Malaysia

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, Majlis Perwakilan Pelajar UPM bercadang untuk mengadakan Projek Khidmat Siswa di kampung tuan. Kampung tuan dipilih kerana pernah menjadi johan dalam pertandingan kampung contoh peringkat negeri Pahang.

3. Projek ini mempunyai matlamat seperti yang berikut, iaitu

- (i) menjalinkan hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat, khususnya masyarakat luar bandar melalui komunikasi berkesan dan aktiviti terancang,
- (ii) menggalakkan mahasiswa mengadakan kerja-kerja kebajikan kepada masyarakat sekali gus memupuk nilai murni,
- (iii) memberikan pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa tentang cara hidup masyarakat di luar bandar,
- (iv) memberikan teladan, motivasi, dan semangat kepada anak-anak kampung agar menjadi insan yang cemerlang, dan
- (v) membantu anak penduduk kampung yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan STPM.

4. Yang berikut ialah butiran tentang projek tersebut:

Tarikh : 2 hingga 6 November 2012
Hari : Jumaat hingga Selasa
Tempoh : 5 hari

TERHAD

Bilangan peserta: 40 orang

5. Program ini mempunyai manfaat kepada penduduk kampung. Antaranya adalah untuk
 - (i) mengeratkan perhubungan sesama penduduk dengan mahasiswa,
 - (ii) meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar untuk menjejakkan kaki ke menara gading, dan
 - (iii) membersihkan kawasan dan kemudahan awam kampung.
6. Saya selaku Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UPM berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat memberikan kebenaran kepada mahasiswa UPM untuk mengadakan projek khidmat siswa di kampung Titi Gajah sebagai salah satu aktiviti khidmat kepada masyarakat di kawasan luar bandar.
7. Pertimbangan daripada pihak tuan amatlah kami harapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Badrul Hisham

(BADRUL HISHAM BIN BADRUL HAFIZ)

Presiden

Majlis Perwakilan Pelajar

Universiti Putra Malaysia (UPM)

TERHAD

(b) Surat Kiriman Rasmi 2 (menggunakan kepala surat)



BADAN KEBAJIKAN, KEBUDAYAAN DAN SUKAN KAKITANGAN
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-61369663 Fax: 03-6137558

Ruj.kami: 01/BKKSK/2012
Tarikh: 10 Oktober 2012

.....
.....
(u.p:))

Melalui

.....
.....

Tuan/puan,

Memohon Kebenaran untuk Menggunakan Dewan

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan,

.....
.....

3.
.....

4.
.....

5. Pertimbangan daripada pihak tuan amatlah kami harapkan.

Sekian, terima kasih.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menjalankan tugas,

Tandatangan

(NAMA DALAM HURUF BESAR)

Jawatan

s.k


- (a) Kepala surat
- (b) Garis panjang
- (c) Nombor rujukan
- (d) Tarikh
- (e) Nama dan alamat penerima
- (f) Untuk perhatian (*opsyenal*)
- (g) Melalui (*jika ada*)
- (g) Rujukan kehormat
- (h) Tajuk surat (*bergaris*)
- (i) Pendahuluan surat: perenggan ini tidak diberikan apa-apa nombor.
- (j) Isi surat: perlu diberikan nombor, bermula dengan nombor 2. Pemberian nombor kepada perenggan itu hendaklah berdasarkan pembahagian butir kandungannya.
- (k) Penutup surat
- (l) Penamat surat
- (m) Cogan kata (*opsyenal*)
- (n) Pengakuan pengirim
- (o) Tandatangan dengan nama dan jawatan pengirim
- (p) Salinan kepada (*jika ada*)

TERHAD

Contoh soalan

Andaikan anda kaunselor di salah sebuah hospital di negara ini. Anda bercadang untuk menjemput seorang doktor pakar virologi untuk menyampaikan ceramah tentang kajian virus kepada doktor pelatih di hospital tempat anda bekerja. Tulis sepucuk surat kepada pakar berkenaan. Surat tersebut hendaklah melalui pengarah hospital tempat doktor pakar berkenaan bertugas.

Contoh esei



HOSPITAL SUNGAI BULOH
JALAN HOSPITAL
47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
03-61454333

Ruj.kami: 01/HSP/2013
Tarikh: 10 Oktober 2013

Dr. Nadiah binti Roslan,
Pakar Virologi,
Jabatan Mikrobiologi dan Imunologi Perubatan,
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia,
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur .

Melalui
Pengarah Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia,
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia,
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.

Tuan,

Undangan sebagai Penceramah

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pihak kami akan mengadakan sambutan Bulan Kesihatan bagi peringkat pusat perubatan kami.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami bercadang untuk menjemput tuan untuk menyampaikan ceramah kepada doktor pelatih di pusat perubatan kami tentang kepentingan kajian virus dalam bidang perubatan. Pihak kami ingin menjemput tuan untuk menyampaikan ceramah kerana kepakaran tuan dalam bidang virologi. Kami berharap agar kepakaran tuan dapat dikongsikan bersama dengan doktor pelatih bagi menimbulkan minat untuk mereka membuat pengkhususan dalam bidang berkenaan. Hal ini juga bersesuaian dengan keadaan semasa, iaitu kekurangan pakar dalam bidang ini sedangkan banyak penyakit yang berpunca daripada pelbagai virus merebak dalam kehidupan masyarakat.

3. Yang berikut merupakan butiran tentang ceramah tersebut:

Tarikh : 20 Disember 2013
Hari : Khamis
Masa : 9:00 pagi hingga 11:00 pagi

TERHAD

Tempat : Bilik Seminar 2 Jabatan Mikrobiologi dan Imunologi Perubatan

4. Untuk pengetahuan tuan, tuan akan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2005.
5. Pihak kami berharap agar tuan dapat memberikan jawapan terhadap undangan kami sebelum 30 Oktober 2013 supaya tindakan susulan dapat diambil.
6. Pihak kami amat berbesar hati sekiranya tuan dapat memenuhi undangan ini dan berkongsi ilmu dengan doktor pelatih di pusat perubatan kami.

Sekian, terima kasih.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menjalankan tugas,

ABDUL MURAD
(DR. ABDUL MURAD BIN MOHD NOOR)
Pengarah
Hospital Sungai Buloh

s.k Ketua Jabatan Mikrobiologi dan Imunologi Perubatan